

20 DEC 2001

Khor-Meninggal

ADUN INDERA KAYANGAN MENINGGAL DUNIA

KANGAR, 20 Dis (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan, Datuk Khor Liang Tee, meninggal dunia di Pusat Perubatan Intan Gleneagles, Ampang, Kuala Lumpur malam tadi. Beliau berumur 59 tahun.

Khor, Pengerusi MCA Perlis, meninggal dunia pukul 11.47 malam setelah menjalani rawatan penyakit barah usus sejak lebih dua bulan lepas, kata Timbalan Pengerusi MCA Perlis Loh Yoon Foo.

Mayat mendiang telah dibawa pulang ke kediamannya di Taman Muhibbah, Jejawi di sini, dan tiba kira-kira pukul 7.30 pagi tadi.

Beliau meninggalkan seorang balu Datin Tan Chien Lieng dan empat orang anak.

Mendiang Khor dijadual akan dikebumikan di tanah perkuburan Padang Sera, Kedah pada Isnin ini.

Sementara itu Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim ketika bercakap pada persidangan media di pejabatnya hari ini, menyifatkan Khor sebagai pemimpin berhemah tinggi, liberal, mesra, bersemangat tinggi dan berkebolehan.

Katanya kematian Khor telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Khor telah memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Perlis dari 7 Mei 1995 hingga 13 Dis lepas.

Beliau bergerak aktif dalam politik sejak 1974 dan menjadi anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan sejak 1990 dan Pengerusi MCA Perlis sejak 1996.

Menurut Shahidan, Khor dikesan menghidap barah usus sejak lebih dua tahun lepas tetapi masih meneruskan tugasnya dengan sempurna sehingga pertengahan tahun ini.

Mengenai pilihan raya kecil bagi mengisi kekosongan kerusi Indera Kayangan nanti, Shahidan berkata Barisan Nasional (BN) telah bersiap sedia untuk menghadapinya dengan penuh keyakinan.

Jentera pilihan raya BN akan berusaha memastikan BN mengekalkan kawasan yang mempunyai kira-kira 8,000 pengundi itu.

Kawasan Indera Kayangan terletak di bahagian tengah negeri Perlis dengan 48 peratus pengundi terdiri daripada pengundi Melayu.

-- BERNAMA

AD AMR NMO